

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

**TOUR CODE:
CBM06-MH**

8H6M BEIJING + INNER MONGOLIA



XILAMUREN GRASSLAND ADALAH KAWASAN PADANG RUMPUT PALING CANTIK DI INNER MONGOLIA DIKELILINGI OLEH GUNUNG-GANANG.

8H6M

BEIJING + INNER MONGOLIA

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL
**TOUR CODE:
CBM06-MH**

HARI 01 | KUALA LUMPUR - BEIJING

Berkumpul di KLIA Terminal 1 untuk menaiki penerbangan ke Beijing. Daftar masuk hotel.

HARI 02 | BEIJING

MT/MM

Lawatan di Beijing:

- Melawat **Tiananmen Square** yang merupakan sebuah dataran yang penuh dengan sejarah. Antaranya adalah tragedi demonstrasi pro demokrasi para pelajar universiti pada tahun 1989. Di sini terdapat binaan penting seperti Monument to the People's Heroes, Great Hall of the People dan Gate of Heavenly Peace selain Mausoleum of Mao Zedong dan National Museum of China.
- Forbidden City**: Kompleks istana berusia lebih 600 tahun yang dibina pada tahun 1406 semasa Dinasti Ming. Kota istana yang dikelilingi tembok setinggi 8m ini menjadi kediaman dan pusat pemerintahan maharaja China sehingga tahun 1924. Kompleks istana ini terbahagi kepada 2 bahagian; Outer dan Inner Court. Tarikan paling utama di kota ini ialah Hall of Supreme Harmony yang menjadi dewan menghadap maharaja China dan perkahwinan diraja, disamping Palace of Heavenly Purity yang menjadi balai mesyuarat maharaja dan pembesar.
- Menyaksikan persembahan penuh ilusi, mistik dan mendebarkan di **Acrobatic Show** pada sebelah petang.

Bermalam di **Beijing**.

HARI 03 | BEIJING - HOHHOT - GRASSLAND

SP/MT/MM

- Merasai pengalaman menaiki Bullet Train menuju ke Hohhot.
- Xilamuren Grassland**: Merupakan padang rumput hijau yang seluas 71 ribu hektar. Merupakan salah satu tempat semula jadi yang terbaik di dunia. Pengunjung dapat menikmati pemandangan rumput hijau sejauh mata memandang, bunga liar pelbagai warna menghiasi padang rumput dan binatang ternakan seperti kuda, lembu dan biri-biri.
- Pengunjung boleh melawat keluarga tempatan Mongolia, bergambar dengan pakaian tradisional, bermain bersama anak biri-biri, mencuba memamah, serta menikmati pesta unggun api dan bunga api. Semua aktiviti ini mencipta pengalaman budaya yang hangat, mesra dan penuh kenangan.

Bermalam di **Mongolian Yurt**.

HARI 04 | GRASSLAND - HOHHOT - ORDOS

SP/MT/MM

- Dataran Genghis Khan** ialah tempat bersejarah yang terletak di Mongolia, dinamakan sempena pemerintah agung Genghis Khan. Ia menjadi tumpuan pelancong dan penduduk tempatan, menampilkan patung besar, ruang terbuka luas, dan simbol kebanggaan serta warisan Mongolia.
- Melawat dan menziarahi **Grand Mosque**, masjid yang terawal dan terbesar yang dibina di Hohhot. Masjid yang berkeluasan 4000 meter persegi ini dibina pada tahun 1963 dan beberapa kali telah diubah suai. Seni bina yang bertemakan Cina dan Arab ini bertambah unik apabila digabungkan dengan batu bata yang berwarna hitam,
- Meneruskan perjalanan ke Ordos.

Bermalam di **Ordos**.

HARI 05 | ORDOS - GOBI DESERT - HOHHOT

SP/MT/MM

- Gurun Yinkentala** menawarkan pengalaman unik seperti Kereta Kabel Rekod Dunia Guinness, menunggang unta, luncur pasir, kereta luncur gurun, dan meriam gurun. Aktiviti ini memberi gabungan pengembaraan, keindahan alam dan teknologi di tengah landskap tandus gurun.

- Mengliang **Ethnic Culture Park** menampilkan warisan budaya pelbagai etnik tempatan. Pengunjung boleh menikmati tarian tradisional, seni kraf tangan, pakaian etnik, dan seni bina unik. Ia menjadi pusat pendidikan budaya serta destinasi pelancongan yang menarik dan bermakna.
- Kuanxiangzi Muslim Food Street** terkenal dengan pelbagai hidangan Halal yang lazat. Ia menampilkan budaya Islam tempatan melalui makanan tradisional, aroma rempah, suasana meriah, dan seni bina bersejarah yang menarik pelancong dari seluruh dunia.
- Xianghe Wholesale Market** pusat perdagangan besar yang terkenal dengan pelbagai barangan seperti perabot, tekstil, dan barangan rumah. Ia menjadi tumpuan pemborong dan peniaga, menawarkan harga kompetitif dan pilihan produk yang meluas dalam suasana sibuk.

Bermalam di **Hohhot**.

HARI 06 | HOHHOT - BEIJING

SP/MT/MM

- Menaiki Bullet Train menuju ke Beijing
- Melawat **Summer Palace** yang dibina pada kurun ke-12 di sekitar Longevity Hill dan Kunming Lake ketika zaman Dinasti Yuan sebagai istana bersemayam musim panas bagi maharaja China. Diiktiraf sebagai taman istana terbesar di dunia, tetamu akan dapat menikmati pemandangan flora yang cantik dan panorama sekitar tasik yang mengagumkan.
- Herbal Medicine Center** sesuai untuk pengunjung yang mencari alternatif atau sokongan kepada rawatan perubatan moden. Tempat ini berfungsi sebagai tempat pendidikan, memperkenalkan pengunjung kepada prinsip-prinsip perubatan tradisional Cina dan khasiat herba untuk kesejahteraan.
- Berfoto di **Bird Nest Stadium** yang merupakan sebuah stadium ikonik pada Sukan Olimpik Beijing 2008. Ini kerana rekabentuknya sangat unik seakan berbentuk sarang burung, di mana struktur luaran stadium diperbuat daripada besi keluli yang dianyam menghasilkan corak seperti jeriji.
- Berfoto di **Water Cube** yang merupakan salah satu lokasi acara Olimpik berbentuk kiub besar buih sabun dan kini telah diubahsuai menjadi taman air dan juga sebagai taman beriadah.

Bermalam di **Beijing**.

HARI 07 | BEIJING

SP/MT/MM

- Great Wall of China**: Tembok pertahanan yang dikira sebagai salah satu keajaiban dunia ini dibina seawal kurun ke-7 sebelum masehi dan dipanjangkan oleh maharaja-maharaja yang memerintah negara China sehingga mencecah sepanjang 21,000 km. Tetamu akan dibawa melawat ke salah satu seksyen yang dipanggil Juyongguan Great Wall yang dibina oleh Dinasti Ming pada 1368.
- Burning Cream Center** adalah pusat yang khusus dalam menawarkan rawatan untuk masalah kulit, terutamanya yang berkaitan dengan luka bakar atau kecederaan kulit. Pusat ini menggunakan krim dan salap yang dirumus khas untuk mempercepatkan proses penyembuhan, serta rawatan herba tradisional Cina yang dipercayai dapat mengurangkan kesan kecederaan kulit.
- Kunjungi **Jade Center**, terkenal dengan koleksi batu jed berkualiti tinggi yang menjadi perhiasan penting tradisi orang China.
- Hang Qiao Market** adalah pasar tradisional yang terkenal di kalangan penduduk tempatan dan pelancong. Pasar ini menawarkan pelbagai produk, termasuk makanan segar, barangan harian, pakaian, dan cenderamata.

Bermalam di **Beijing**.

HARI 08 | BEIJING - KUALA LUMPUR

SP

Menaiki penerbangan pagi pulang ke Kuala Lumpur.

PERTUKARAN MATA WANG



CHINESE YUAN
CNY 1 = RM 0.65



PERBEZAAN WAKTU

China: GMT+8 Malaysia: GMT+8



Musim Panas:

Jun - Ogos



Musim Luruh:

Sept - November



Musim Sejuk:

Disember - Feb



Musim Bunga:

Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.



CAMEL RIDE & SAND SLIDE DI PADANG PASIR

Menunggang unta dan merasai sand slide di padang pasir Whistling Dune Bay.

2.



MEMAKAI PAKAIAN TRADISIONAL MONGOLIA

Berpeluang memakai pakaian tradisional Inner Mongolia.

3.



BIRD NEST STADIUM

Sebuah stadium ikonik pada Sukan Olimpik Beijing 2008. Ini kerana reka bentuk unik seakan sarang burung, di mana struktur luaran stadium dibuat daripada besi keluli.

4.



BERMALAM DI YURT

Bermalam di 'Mongolian Yurt', sejenis khemah bercirikan konsep masyarakat Mongolia tempatan.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Beijing	1 Mlm
Grassland (Yurt)	1 Mlm
Ordos	1 Mlm
Hohhot	1 Mlm
Beijing	2 Mlm

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 318	KUL - PKX	2340	0600+1
8	MH 319	PKX - KUL	1000	1630

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Termasuk dengan tiket lawatan.
- Tiket pergi dan balik "Bullet Train" antara Beijing ke Hohhot.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan tour leader dan tour guide yang terlatih professional.
- Tip untuk pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- Shopping Compulsory: Herb, Burning Cream dan Jewelry.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Travel Insurans
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.